

02/05/1999

Kadar baru pencen

KONGRES Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan meminta supaya pencen minimum dinaikkan daripada RM180 kepada RM250 sebulan.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata pihak kesatuan akan menulis surat berhubung perkara itu dan mengemukakannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, secepat mungkin.

Beliau berkata, kira-kira 10,000 kakitangan awam akan terbabit dalam cadangan menaikkan pencen minimum itu nanti.

Katanya, sejak 15 tahun lalu, golongan terbabit hanya menerima pencen minimum sejumlah RM180 dan jumlah itu tidak lagi sesuai ketika ini dan wajar ditingkatkan.

Menurutnya, kenaikan itu juga dipercayai dapat membantu meringankan beban dan perbelanjaan yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

"Cuepacs akan merayu kepada Perdana Menteri agar meluluskan cadangan itu demi membantu penerima pencen minimum," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Beliau berpendapat, pencen minimum ketika ini tidak banyak membantu kakitangan awam apatah lagi dalam menghadapi masalah kegawatan ekonomi dan kenaikan harga barangan di pasaran.

Justeru, katanya, kerajaan wajar menimbangkan cadangan itu bagi membantu golongan terbabit meningkatkan lagi taraf hidup mereka dalam menghadapi alaf baru.

Siva berkata, dalam menuju alaf baru, beberapa agensi kerajaan akan mengurang atau memperkecilkan jumlah kakitangan tetapi tidak berhasrat membuang terus kakitangannya.

Beliau berkata, beberapa agensi seperti Filem Negara Malaysia dan Kementerian Penerangan berkemungkinan mengurangkan kakitangan dan pekerja terbabit akan diserapkan ke beberapa jabatan lain.

"Kakitangan awam tidak dibuang tetapi mereka akan ditukar ke jabatan lain yang mengalami masalah kekurangan pekerja dan berkemungkinan mereka juga akan menjalani latihan tertentu," katanya.

Justeru, beliau mengingatkan kakitangan awam supaya melengkapkan diri dengan pengetahuan teknologi maklumat (IT) bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dan tercicir.

Beliau berkata, tahun yang akan datang cukup mencabar kepada pekerja di negara ini, terutama kakitangan kerajaan berikutan pemindahan jabatan kerajaan ke Putrajaya dalam menuju era teknologi maklumat (IT).

Menurutnya, tahun 2000 cukup mencabar kepada semua pekerja, terutama kakitangan awam berikutan pemindahan jabatan kerajaan ke Putrajaya dan ini juga menuntut pengorbanan daripada kakitangan awam.

Justeru, kakitangan awam hendaklah bersedia memasuki arus pembangunan moden dan menjadi masyarakat celik IT.

Beliau turut memuji kakitangan awam yang begitu sabar dan memahami masalah negara ketika menghadapi kegawatan ekonomi yang mula melanda sejak pertengahan 1997.

Selain itu, katanya, fungsi Cuepacs tidak akan terjejas dan diperkecilkan biarpun dunia akan melangkah ke alaf baru.

"Rundingan setiap bulan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membuktikan Cuepacs dijadikan sebagai rakan kongsi, sekali gus mencerminkan kesedaran dan keprihatinan ketua jabatan," katanya.

Beliau berkata, Cuepacs juga akan terus membuktikan bahawa ia bertindak

matang dalam menangani pelbagai masalah kakitangan awam dan tidak sekali-kali bertujuan membinasakan pekerja.

"Ini dibuktikan dengan mengambil langkah progresif bagi memulihkan ekonomi gawat melalui program perpaduan dan pembangunan kesatuan sekerja. Bagaimanapun, tidak dinafikan banyak isu berkaitan kakitangan kerajaan masih dalam peringkat perbincangan dan akan dilaksanakan apabila ekonomi pulih," katanya.

(END)